

**PROGRAM  
INKUBASI  
USAHAWAN TANI UPM**

Lapan modul yang ditawarkan sehingga tahun ini.

- Modul tanaman (*rock melon* secara fertigasi), Modul Akuakultur (ternakan ikan tilapia) dan Modul Ternakan (ayam kampung kacukan).
- Modul Pengurusan Perkhidmatan Makanan.
- Modul Ternakan Ruminan.
- Ekopelancongan
- Perdagangan, Bioteknologi (biokompos).
- Kemajuan Pelaksanaan Program.

PESERTA daripada program ini juga telah menyertai pelbagai pertandingan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dan kementerian lain.

Tahun 2012:  
● Johan Anugerah Keusahawanan Kementerian Pendidikan Tinggi (MEA) 2012 ● Gemilang Agrobiz - RM20,000.

Tahun 2015:  
● Johan Rural Business Challenge (RBC) 2015 - Asfa Valley Green Resources - RM30,000.

Tahun 2013:  
● Tempat Ketiga Anugerah Keusahawanan Kementerian Pendidikan (MEA) 2013 - Mansya Agro Farm Enterprise - RM10,000.

# Program inkubasi UPM lahirkan usahawan tani

**agro**

**P**ROGRAM Inkubasi Usahawantani adalah program untuk melahirkan usahawan dalam kalangan graduan khususnya dalam bidang pertanian.

Usaha tersebut selaras dengan hasrat kerajaan untuk menambah bilangan usahawan muda dan memodenkan sektor pertanian. Dianjurkan pertama kali oleh Universiti Putra Malaysia (UPM)

pada tahun 2012 dan kini dijadikan program tetap tahun sehingga kini.

Sepanjang hampir lima tahun dilaksanakan, program tersebut berjaya melahirkan usahawan berkaitan dengan bidang pertanian merangkumi aspek pengeluaran, pemprosesan dan perniagaan tani.

Program tersebut dilaksanakan selama enam bulan secara sepenuh masa mulai awal bulan Januari hingga akhir Jun setiap tahun.



MAD NASIR SHAMSUDIN

Peserta program adalah terbuka kepada lepasan pelajar yang berkelayakan minimum di peringkat diploma dalam bidang pertanian atau bukan bidang pertanian dan berumur kurang daripada 30 tahun.

Pemilihan peserta dilaksanakan menerusi dua kaedah saringan iaitu menerusi

temubual bersemuka dan ujian psikometrik keusahawanan bagi menentukan tahap sikap dan ciri keusahawanan.

Sementara itu, menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsudin berkata, program tersebut diperkenalkan hasil idea beliau semasa menyandang jawatan Dekan Fakulti Pertanian universiti berkenaan.

"Saya mengemukakan cadangan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada 2011 dan apabila diluluskan kami dapat peruntukan RM10 juta pada waktu itu," ujarnya.

Menurut beliau, semua peserta akan melalui dua fasa latihan iaitu dalam tempoh dua bulan pertama peserta akan diberikan pendedahan dan pengetahuan mengenai bidang keusahawanan yang berkaitan dengan perundingan perniagaan berkesan.

Apa yang penting kata beliau, program ini melibatkan agensi kerajaan seperti AgroBank yang menawarkan pinjaman kepada usahawan menerusi kerjasama Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Menerusi program tersebut, peserta diberi bimbingan dalam bentuk teknikal dan perniagaan dan pendedahan terhadap



TANAMAN rock melon antara modul yang ditawarkan dalam program rock melon antara modul yang ditawarkan dalam program usahawan tani UPM.

pembangunan pelan perniagaan, penulisan laporan perniagaan dan juga aspek motivasi dan jati diri.

Selain itu, peserta dilatih agar lebih berdaya dan meningkatkan tahap keyakinan bagi mengharungi dunia perniagaan sebenar selepas tamat latihan.

Peserta juga akan diberikan maklumat berkaitan dengan tatacara penubuhan syarikat, prosedur pinjaman daripada institusi kewangan dan juga mengenai peranan dan polisi kerajaan yang berkaitan dengan pembangunan usahawan.

Mereka juga akan mendapatkan tunjuk ajar dan dorongan daripada usahawan yang telah berjaya menerusi lawatan dan syarahan. Bagi tempoh empat bulan berikutnya, peserta akan melaksanakan projek sebenar di lapangan berdasarkan modul masing-masing.

Setiap peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan akan diberikan pinjaman modal tanpa faedah

sebanyak maksimum RM10,000 sebagai pendahuluan bagi memulakan projek mereka.

Peserta juga dilatih bagi menguruskan projek dengan kaedah pengurusan projek terkini yang bermula daripada peringkat pengeluaran sehinggalah ke proses pemasaran produk.

Objektif utama adalah bagi meningkatkan pengetahuan pengurusan dan teknikal projek kepada peserta bagi memastikan penggunaan sumber yang optimum dan pulangan projek yang maksimum.

Selama lima tahun program tersebut dilaksanakan seramai 236 peserta telah dilatih dan 51 syarikat telah ditubuhkan oleh peserta.

Kesemua syarikat tersebut beroperasi di seluruh negara dan berjaya mencatatkan rekod jualan dengan nilai yang meningkat daripada RM300,000 pada tahun 2013 kepada RM5 juta pada tahun lalu.

Dijangka nilai tersebut akan terus meningkat kepada RM7 juta pada akhir tahun ini.



MOHD. AFIQ ARIF antara bekas peserta program inkubasi usahawan tani.